

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXIV)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB. GOOI HSIAO-LEUNG**

15. Selain daripada RTB Parit 4 dan 5, adakah Kerajaan Negeri akan menaik taraf dan membaiki sistem perparitan yang rosak di persekitaran KADUN Bukit Tengah yang menyumbang kepada kejadian banjir kilat?
- (a) Jika ya, kawasan manakah yang akan terlibat dan diberi keutamaan?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

15. Skop utama Projek Tebatan Banjir Parit 4 dan Projek Tebatan Banjir Parit 5 adalah bagi menaiktaraf sistem saluran utama (*Monsoon Drain*) iaitu menaiktaraf saluran Parit 4 dan Parit 5 termasuk pembinaan Rumah Pam Baru di hilir Parit 4 dan Parit 5 sahaja.

Oleh itu, sistem perparitan dalaman sedia ada yang mengalir masuk ke Parit 4 dan Parit 5 akan dinaiktaraf mengikut keperluan oleh agensi pemilik mengikut skop masing-masing. Agensi-agensi kerajaan yang berkaitan akan mengemukakan permohonan menaiktaraf jika wujud keperluan dari semasa ke semasa dengan menggunakan pelbagai saluran peruntukan di masa hadapan. Bagi kemudahan infrastruktur longkang di kawasan kampung, aduan kerosakan atau permohonan boleh dikemukakan kepada Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah untuk siasatan dan tindakan selanjutnya.

- (a) Antara kerja-kerja membaiki perparitan di kawasan Bukit Tengah yang akan dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai pada tahun 2020 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

Senarai Kerja Pembaikan Invert Dan Dinding Parit Oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)

Bil	Lokasi	Skop Kerja	Status	Anggaran Kos(RM)
1	Taman Mangga	Pembaikan Invert dan dinding parit	Dijangka bermula pada bulan Jun 2020	100,000.00
2	Taman Kerjasama	Pembaikan Invert dan dinding parit	Dijangka bermula pada bulan Julai 2020	50,000.00
3	Taman Perwira	Pembaikan Invert dan dinding parit	Dijangka bermula pada bulan Julai 2020	80,000.00
4	Taman Sentul	Pembaikan Invert dan dinding parit	Dijangka bermula pada bulan Ogos 2020	100,000.00
5	Taman Desa Damai	Pembaikan Invert dan dinding parit	Dijangka bermula pada bulan Ogos 2020	100,000.00
6	Taman Limau Manis	Pembaikan Invert dan dinding parit	Dijangka bermula pada bulan September 2020	70,000.00
7	Taman Sentul Jaya	Pembaikan Invert dan dinding parit	Dijangka bermula pada bulan Oktober 2020	50,000.00
8	Taman Pelangi	Pembaikan Invert dan dinding parit	Dijangka bermula pada bulan Oktober 2020	100,000.00
9	Taman Sentul Jaya	Pembaikan Invert dan dinding parit	Dijangka bermula pada bulan November 2020	50,000.00
10	Taman Manis	Pembaikan Invert dan dinding parit	Dijangka bermula pada bulan Disember 2020	50,000.00
Jumlah				750,000.00